

DI SEKELILING PERJUANGAN MUSLIMIN DI INDONESIA

UMAT ISLAM HANYA WAJIB MEMILIH PARTI-PARTI ISLAM

Fatwa Alim Ulama Pangkal Pinang Tentang Pilihan Raya

Alim ulama seluruh daerah Bengka, pada 2 Julai yang lalu telah mengadakan mesyuarat di Pangkal Pinang berhubung dengan soal pilihanraya dan telah mengambil keputusan bahawa umat Islam hanya wajib memilih parti-parti Islam sahaja.

Dalam suatu kenyataan yang ditandatangani oleh 12 orang kiyai iaitu: Haji Abdul Hamid, Haji Mas'od Nor, Haji Abdullah al-Dari, Haji Hasan Basri, Idris Sani, Haji Masdar, Haji Zainal Abidin, Haji Mokhtar Yasin, Haji Abdul Ghani, Rashid Ibrahim, Sutan Ma'rof dan Haji Abdul Hamid Manan. Bunyi fatwa yang dihalakan kepada seluruh umat Islam Indonesia itu ialah:

Tiap-tiap warganegara Indonesia yang beragama Islam lelaki dan perempuan yang mempunyai hak memilih menurut undang-undang pemilihan umum Indonesia yang telah disahkan:

- 1 – Wajib memilih hanya parti-parti Islam.
- 2 – Yang masuk parti-parti yang tidak berideologi Islam supaya kembali kepada parti-parti Islam.
- 3 – Kepada mereka yang belum memasuki parti supaya memasuki parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan yang memperjuangkan ideologi Islam.
- 4 – Barangsiapa memasuki salah satu parti yang bertujuan menentang wujudnya hukum-hukum Allah (negara Islam) dengan sengaja dan penuh kesedaran, maka hukumnya kafir.
- 5 – Kaum Muslimin lelaki dan perempuan yang telah akil baligh, wajib berusaha dan memberikan segala macam

bantuan dan pengorbanan untuk kemenangan Islam dalam pemilihan umum (pilihan raya) yang akan datang.

Dasar-dasar

Fatwa di atas itu dikeluarkan setelah permesyuaratan memperhatikan undang-undang pemilihan parlimen dan perlembagaan dan sesudah memahamkan beberapa surah daripada al-Quran, iaitu:

- 1 – Surah al-Shūrā ayat 13 yang menyuruh menegakkan agama Islam.
- 2 – Surat al-Nisā' ayat 144, surah al-Māidah ayat 51 dan Surah al-Mumtahana hayat 1, yang maksudnya menentukan batas-batas orang yang boleh diangkat menjadi penguasa.
- 3 - Surah al-Māidah ayat 44, 45 dan 47 dan lain-lain, isinya menyuruh menjalankan undang-undang yang sesuai dengan hukum-hukum Allah.
- 4 – Surah al-Nisā' ayat 59, yang menyuruh mentaati Allah, Rasul dan ūlī al-amr yang beriman.
- 5 – Surah al-Haj ayat 11 dan Surah Āli 'Imrān ayat 110, yang maksudnya menyuruh berbuat kebajikan dan melarang kemungkaran.
- 6 – Surah al-Māidah ayat 35, yang maksudnya menyuruh mencari wasilah kepada Allah.
- 7 – Kaedah uşūl yang berbunyi:
 1. *Liḥwasāil ḥukm al-maqāṣid*
 2. *Kullu mā lā yatim al-wājib illā bihi fahuwa wājib.*

- Abadi, Jakarta